

23/07/1997

Usah salah gunakan kuasa

SUBANG, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pegawai agama supaya berhati-hati menggunakan kuasa yang diberikan bagi mengelakkan gambaran negatif mengenai Islam di negara ini.

Perdana Menteri berkata, penguatkuasaan yang berlebihan terhadap kesalahan agama boleh menyebabkan agama Islam dipandang hina bukan saja oleh orang asing, tetapi umat Islam sendiri.

Bercakap kepada pemberita sebaik pulang ke tanah air petang ini, Dr Mahathir menegaskan pegawai agama boleh mengambil tindakan lebih ringan, termasuk memberi nasihat serta pelbagai langkah lain yang dianggap lebih berkesan.

"Bukan cara kita tangkap orang, gari orang, nak tunjuk kita ada kuasa. Itu bukan meningkatkan pegangan terhadap ajaran Islam. Ia menjadikan Islam suatu yang hodoh dalam pandangan orang lain, termasuk orang Islam sendiri.

"Sehubungan itu, orang yang ada diberi kuasa sedikit ini, patut sedar bahawa kuasa bukan untuk dimainkan seperti itu," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini selepas bercuti selama dua bulan di luar negara.

Pesawat Perdana Menteri mendarat tepat jam 5.40 petang dan disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri Kabinet, Menteri Besar, Ahli Parlimen dan tokoh korporat.

Beliau diminta mengulas masalah menyeragamkan undang-undang Islam di semua negeri sehingga menyebabkan berlakunya kekeliruan dari segi penguatkuasaan undang-undang terbabit.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat akan cuba berhubung dengan raja-raja mengenai langkah menyeragamkan undang-undang Islam di negara ini, kerana apa yang dilakukan di negara ini, menjadi teladan di negara lain.

Menurut Perdana Menteri, hampir di semua negara yang beliau lawati, pucuk pimpinan kerajaan negara itu ingin mencontohi Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

"Ini disebut oleh banyak negara Islam lain dan sebabnya ialah cara kita mentadbirkan Islam di Malaysia," katanya.

Beliau berpendapat punca utama mengapa orang Islam di negara ini terbabit dengan perbuatan yang tidak baik berbanding bukan Islam adalah kerana ajaran itu tidak disampaikan mengikut kehendak agama.

(END)